

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

1. Mengapakah Kerajaan Negeri mengenakan sewaan RM120 tahunan terhadap MPKK atas aset kemudahan awam termasuk gelanggang bola keranjang?
 - (a) Adakah ini diluluskan dalam Mesyuarat EXCO?
 - (b) Adakah ini bermaksud rakyat tidak lagi berhak menggunakan kemudahan awam secara percuma?
 - (c) Adakah pada masa depan, trek jogging taman awam juga akan dikenakan caj?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. Kesemua aset tak alih milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun diaudit oleh Unit Audit Dalam pada tahun 2022, di mana penemuan pihak audit mendapati hasil sewaan aset tak alih yang telah diuruskan oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) telah dimasukkan ke dalam akaun MPKK tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mengenakan kadar sewaan nominal sebanyak RM10 sebulan (RM120 tahunan) ke atas semua aset tak alih Kerajaan Negeri yang diuruskan oleh MPKK atas sebab berikut:

- (i) Tindakan mengenakan kadar sewaan terhadap aset kerajaan adalah selari dengan Arahan Perbendaharaan 6 (AP 6), di mana hasil sewaan aset tak alih kerajaan hendaklah dimasukkan ke

dalam Kumpulan Wang Disatukan tanpa sebarang pengecualian diberikan; dan

- (ii) Kos pembaikan besar melebihi RM 1,000.01 akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, namun bagi sebarang penyelenggaraan/ pembaikan kecil di bawah RM1,000.00 perlulah diuruskan oleh MPKK berkenaan.
- (a) Ya, perkara ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri pada 18 Disember 2024 dan telah disahkan pada hari yang sama.
- (b) Kadar nominal atau caj minimum adalah bergantung kepada pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara kemudahan awam tersebut.
- (c) Trek jogging taman awam tidak akan dikenakan caj oleh MBPP dan MBSP disebabkan kemudahan tersebut sememangnya dibina untuk kegunaan orang awam.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

2. Huraikan statistik vandalisme perhentian bas di bawah MBPP.
- (a) Nyatakan secara amnya, tempoh pembaikan sesebuah perabot perhentian bas yang rosak (contoh: lampu tidak menyala).
 - (b) Nyatakan usaha dan cara penyelesaian PBT atas isu gelandangan di perhentian bas yang menakutkan penumpang dan orang awam.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Statistik vandalisme perhentian bas yang dilaporkan di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	STIKER DAN SPRAY	LAMPU-KABEL ELEKTRIK (dipotong/dicuri)
1	2020	5	-
2	2021	1	-
3	2022	3	-
4	2023	10	2
5	2024	4	1
JUMLAH		23	3

- (a) Perincian bagi jenis-jenis kerosakan perhentian bas dan tempoh pembaikan yang dilaksanakan oleh MBPP adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS KEROSAKAN	TEMPOH MASA PEMBAIKAN KEROSAKAN (HARI)
1.	Struktur - besi, cermin, plat nama	7
2.	Lantai / bumbung pondok bas	7
3.	Pembersihan (mengeluarkan stiker)	2
4.	Lampu – fius terbakar / tiub LED	7
5.	Lampu – kerosakan <i>timer</i>	1
6.	Lampu – kabel elektrik (dipotong / dicuri)	14

- (b) Bagi mengatasi masalah isu gelandangan di perhentian bas, pihak MBPP telah mengambil tindakan seperti berikut:
- (i) Reka bentuk tempat duduk pondok perhentian bas jenis *tempered glass* yang mempunyai lekuk dan tidak rata;
 - (ii) Bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi menempatkan gelandangan di Pusat Transit Gelandangan Pulau Pinang;
 - (iii) Memanjangkan isu gelandangan di perhentian bas kepada Jabatan JKM untuk tindakan selanjutnya; dan
 - (iv) Memasang besi pembahagi (*divider*) untuk menghalang kes-kes gelandangan menjadikan perhentian bas sebagai tempat tidur.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

3. Adakah setiap perhentian bas bawah MBPP mempunyai bumbung dan tempat duduk?
- (a) Huraikan rancangan MBPP bagi memastikan perhentian bas Pulau Pinang berdaya saing dan berperingkat antarabangsa.
 - (b) Adakah panel elektronik jadual bas (real time display) akan dipasang di setiap perhentian bas?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Jumlah perhentian bas di bawah pentadbiran MBPP sehingga April 2025 adalah sebanyak 923. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 600 buah perhentian bas mempunyai bumbung dan tempat duduk manakala baki sebanyak 323 buah perhentian bas tidak berbumbung dan tidak mempunyai tempat duduk.
- (a) Bagi memastikan perhentian bas di Negeri Pulau Pinang lebih berdaya saing dan setanding dengan kualiti di peringkat antarabangsa, berikut adalah tindakan yang telah dirancang oleh pihak MBPP:-
 - (i) Menaik taraf pondok perhentian bas sedia ada yang menggunakan struktur jenis *galvanized steel* kepada rekaan moden menggunakan bahan *tempered glass*. Reka bentuk ini lebih mesra pengguna dari segi keselesaan dan keselamatan serta juga memberikan imej yang lebih moden, cerah, dan terbuka. Selain itu, penggunaan *tempered glass* ini juga digunakan

sebagai medium untuk pengiklanan, promosi kempen serta memaparkan maklumat perkhidmatan bas kepada orang awam;

- (ii) Membina dan menaik taraf perhentian bas dengan dilengkapi dengan kemudahan OKU. Sehingga kini, sebanyak 480 buah daripada 600 buah pondok perhentian bas telah dilengkapi dengan kemudahan seperti *guiding block*, *warning tactiles*, pagar (*railing*) dan landasan (*ramp*) bagi memudahkan pergerakan dan akses golongan kurang upaya dengan lebih selamat dan selesa;
 - (iii) Menaik taraf 15 lokasi tiang perhentian bas kepada pondok perhentian bas bersaiz kecil yang terletak di bahu jalan sempit iaitu kurang daripada satu (1) meter;
 - (iv) Menambah baik aspek pencahayaan di pondok perhentian bas secara berperingkat melalui pemasangan lampu bagi meningkatkan tahap keselamatan pengguna khususnya pada waktu malam. Sehingga kini, sebanyak 352 pondok perhentian bas telah dipasang lampu manakala baki 248 lagi akan dipasang secara berfasa pada tahun 2025 dan 2026; dan
 - (v) Meletakkan syarat kepada pihak pemaju bagi penyediaan pondok perhentian bas di lokasi projek pembangunan baharu yang terletak di jalan-jalan dengan aliran trafik yang tinggi.
- (b) Sehingga kini sebanyak 32 buah pondok perhentian bas telah dipasang dengan panel elektronik *Passenger Information System* (PIS) oleh Rapid Bus Sdn. Bhd. pada tahun 2018. Buat masa ini, MBPP belum mempunyai perancangan untuk memasang panel elektronik jadual bas secara masa nyata (*real time display*) di setiap pondok perhentian bas. Walau bagaimanapun, orang awam masih boleh mendapatkan maklumat masa sebenar pergerakan bas serta merancang perjalanan mereka dengan menggunakan aplikasi mudah alih seperti *My Rapid Pulse* dan *Kummute* yang telah dibangunkan oleh Rapid Penang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

4. Senaraikan tandas awam di kawasan sempadan bandaraya (city boundary) dan waktu operasinya.
- (a) Adakah bilangan tandas awam tersenarai itu mencukupi untuk memuatkan permintaan awam?
 - (b) Adakah dalam rancangan MBPP untuk menambahkan tandas awam baru di sekitar pusat bandaraya? Senaraikan.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Senarai tandas awam di kawasan sempadan bandaraya (city boundary) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Ya, sehingga kini bilangan tandas awam yang disenaraikan di **LAMPIRAN A** adalah mencukupi bagi memenuhi permintaan orang awam.
 - (b) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak mempunyai perancangan untuk menambah tandas awam baru di sekitar pusat bandaraya. Walau bagaimanapun, keperluan untuk membina tandas awam akan diteliti secara menyeluruh bagi memenuhi keperluan masyarakat di samping memfokuskan kepada projek menaik taraf tandas yang sedia ada bagi memberikan keselesaan kepada orang awam.

**SENARAI TANDAS AWAM YANG TERLETAK DI KAWASAN SEMPADAN
BANDARAYA (CITY BOUNDARY) DI NEGERI PULAU PINANG**

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG		
BIL	TANDAS	WAKTU OPERASI
1.	PASAR LEBUH CECIL	6.30 pagi – 10.00 malam
2.	PENKALAN WELD	6.30 pagi – 10.00 malam
3.	ASTAKA MEDANIKA	6.30 pagi – 3.30 petang
4.	KOMPLEKS & PASAR LINTANG MACALLUM 2	7.00 pagi – 3.00 petang
5.	KOMPLEKS LEBUH PANTAI	7.00 pagi – 5.00 petang
6.	MEDAN RENONG	6.30 pagi – 10.00 malam
7.	PADANG KOTA LAMA	6.30 pagi – 10.00 malam
8.	PASAR DATO KERAMAT	7.00 pagi – 6.00 petang
9.	PASAR JALAN ANSON	6.30 pagi – 2.00 petang
10.	PASAR CHOWRASTA	6.30 pagi – 6.00 petang
11.	PASAR JALAN KUANTAN	6.30 pagi – 6.00 petang
12.	KAMPUNG KOLAM	7.00 pagi – 7.00 malam
13.	PASAR LEBUH CAMPBELL	6.30 pagi – 2.00 petang
14.	ANJUNG GURNEY	9.00 pagi – 10.00 malam
15.	PERSIARAN GURNEY	7.00 pagi – 6.00 petang
16.	PADANG POLO	7.00 pagi – 7.00 malam
17.	GURNEY BAY	5.00 pagi – 10.00 malam
18.	KOMPLEKS BATU LANCHANG	6.30 pagi – 10.00 malam
19.	PASAR BATU LANCHANG	6.30 pagi – 9.00 malam
20.	PASAR JELUTONG	6.30 pagi – 6.00 petang
21.	PASAR JALAN PERAK	6.30 pagi – 2.00 petang
22.	MEDAN TENGGU	6.30 pagi – 6.30 petang
23.	KOMPLEKS JALAN SUNGAI	8.00 pagi – 5.00 petang
24.	KOMPLEKS OCEAN VIEW	7.00 pagi – 6.00 petang
25.	PASAR JALAN PATANI	6.30 pagi – 6.00 petang
26.	KOMPLEKS TAMAN SERENA	7.00 pagi – 6.00 petang
27.	PASAR & KOMPLEKS KAMPUNG BARU	7.00 pagi – 2.00 petang
28.	PASAR PADANG TEMBAK	6.30 pagi – 6.00 petang
29.	ASTAKA PADANG TEMBAK	6.30 pagi – 4.00 petang
30.	ASTAKA JALAN PERAK	7.00 pagi – 9.00 malam
31.	ASTAKA LORONG KULIT	6.30 pagi – 5.00 petang
32.	ASTAKA TAMAN FREE SCHOOL	8.00 pagi – 6.00 petang

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI		
BIL	TANDAS	WAKTU OPERASI
1.	KOMPLEKS MAKANAN TMN. SIAKAP	8.00 pagi - 5.00 petang
2.	KOMPLEKS MAKANAN BANDAR PERDA	8.00 pagi - 5.00 petang
3.	KOMPLEKS MAKANAN LENGKOK TENGGIRI	8.00 pagi - 5.00 petang
4.	KOMPLEKS MAKANAN LEBUH TENGGIRI	8.00 pagi - 5.00 petang
5.	KOMPLEKS MAKANAN PAUH DAMAI	8.00 pagi - 5.00 petang
6.	KOMPLEKS MAKANAN PAUH INDAH	8.00 pagi - 5.00 petang
7.	KOMPLEKS MAKANAN TMN. SENTOSA	8.00 pagi - 5.00 petang
8.	KOMPLEKS MAKANAN TMN. GUAR PERAHU	8.00 pagi - 5.00 petang
9.	KOMPLEKS MAKANAN TMN. BAYU MUTIARA	8.00 pagi - 5.00 petang
10.	KOMPLEKS MAKANAN TMN. INDERAWASIH	8.00 pagi - 5.00 petang
11.	KOMPLEKS MAKANAN TMN. KELISA EMAS	8.00 pagi - 5.00 petang
12.	PASAR SERI DELIMA	8.00 pagi - 5.00 petang
13.	PASAR PENANTI	8.00 pagi - 5.00 petang
14.	PASAR KG. BARU	8.00 pagi - 5.00 petang
15.	PASAR SAMAGAGAH	8.00 pagi - 5.00 petang
16.	PASAR BERAPIT	8.00 pagi - 5.00 petang
17.	PASAR KOTA PERMAI	8.00 pagi - 5.00 petang
18.	PASAR SG. RAMBAI	8.00 pagi - 5.00 petang
19.	PASAR TAMAN SELAMAT	8.00 pagi - 5.00 petang
20.	PASAR TMN. CHAI LENG PARK	8.00 pagi - 5.00 petang
21.	PASAR PEMATANG TINGGI	8.00 pagi - 5.00 petang
22.	PASAR JURU	8.00 pagi - 5.00 petang
23.	TANDAS BANGUNAN MPSP LOBI KAUNTER	8.00 pagi - 5.00 petang
24.	TANDAS BANGUNAN MPSP LOBI TINGKAT G	8.00 pagi - 5.00 petang
25.	TANDAS BANGUNAN MPSP BILIK AHLI MAJLIS	8.00 pagi - 5.00 petang
26.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT M	8.00 pagi - 5.00 petang
27.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 1	8.00 pagi - 5.00 petang
28.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 2	8.00 pagi - 5.00 petang
29.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 3	8.00 pagi - 5.00 petang
30.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 4	8.00 pagi - 5.00 petang
31.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 5	8.00 pagi - 5.00 petang
32.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 6	8.00 pagi - 5.00 petang
33.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 7	8.00 pagi - 5.00 petang
34.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 8	8.00 pagi - 5.00 petang
35.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 9	8.00 pagi - 5.00 petang
36.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 10	8.00 pagi - 5.00 petang
37.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 11	8.00 pagi - 5.00 petang
38.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 12	8.00 pagi - 5.00 petang
39.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 13	8.00 pagi - 5.00 petang
40.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 14	8.00 pagi - 5.00 petang
41.	TANDAS BANGUNAN MPSP TINGKAT 15	8.00 pagi - 5.00 petang
42.	KOMP SUKAN JLN. BETEK BKT MERTAJAM KOLAM	8.00 pagi - 5.00 petang
43.	KOMP SUKAN BUKIT MERTAJAM TMN. TEMA	8.00 pagi - 5.00 petang
44.	TANDAS PEJABAT MPSP JLN. BETIK LOBI	8.00 pagi - 5.00 petang
45.	TANDAS PEJABAT MPSP JLN. BETIK TINGKAT 1	8.00 pagi - 5.00 petang

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI		
BIL	TANDAS	WAKTU OPERASI
46.	TANDAS PEJABAT MPSP JLN. BETIK TINGKAT 2	8.00 pagi - 5.00 petang
47.	TANDAS PEJABAT MPSP JLN. BETIK KANTIN	8.00 pagi - 5.00 petang
48.	TANDAS REKREASI TAMAN KIMSAR	8.00 pagi - 5.00 petang
49.	KOMPLEKS MAKANAN PAUH JAYA (<i>EVOKE</i>)	8.00 pagi - 5.00 petang
50.	TANDAS REKREASI TAMAN TUNKU S. JAYA	8.00 pagi - 5.00 petang
51.	KOMPLEKS MAKANAN TMN. DESA MURNI	8.00 pagi - 5.00 petang
52.	KOMPLEKS MAKANAN TMN. KUALA BEKAH	8.00 pagi - 5.00 petang
53.	KOMPLEKS MAKANAN TMN. BERTAM PERMAI	8.00 pagi - 5.00 petang
54.	KOMPLEKS MAKANAN TMN. TUN DR AWANG	8.00 pagi - 5.00 petang
55.	KOMPLEKS MAKANAN PANTAI ROBINA	8.00 pagi - 5.00 petang
56.	KOMPLEKS MAKANAN TMN. TELUK AIR TAWAR INDAH	8.00 pagi - 5.00 petang
57.	KOMPLEKS MAKANAN BAGAN AJAM	8.00 pagi - 5.00 petang
58.	KOMPLEKS MAKANAN KELOMPOK MAK MANDIN	8.00 pagi - 5.00 petang
59.	KOMPLEKS MAKANAN JLN. MOHD SAAD	8.00 pagi - 5.00 petang
60.	KOMPLEKS MAKANAN KG. JAWA	8.00 pagi - 5.00 petang
61.	PASAR BAGAN AJAM	8.00 pagi - 5.00 petang
62.	PASAR SUNGAI DUA	8.00 pagi - 5.00 petang
63.	PASAR KEPALA BATAS	8.00 pagi - 5.00 petang
64.	PASAR TASEK GELUGOR	8.00 pagi - 5.00 petang
65.	PASAR PENAGA	8.00 pagi - 5.00 petang
66.	PASAR SRI BANDAR	8.00 pagi - 5.00 petang
67.	PASAR SRI UDA	8.00 pagi - 5.00 petang
68.	PASAR TAMAN BAGAN	8.00 pagi - 5.00 petang
69.	KOMPLEKS SUKAN BERTAM PADANG BOLA	8.00 pagi - 5.00 petang
70.	KOMPLEKS SUKAN BERTAM DEWAN	8.00 pagi - 5.00 petang
71.	KOMPLEKS SUKAN BERTAM SURAU	8.00 pagi - 5.00 petang
72.	KOMPLEKS SUKAN BERTAM PADANG HOKI	8.00 pagi - 5.00 petang
73.	DEWAN DATUK HJ. AHMAD BADAWI TINGKAT BAWAH	8.00 pagi - 5.00 petang
74.	DEWAN DATUK HJ. AHMAD BADAWI TINGKAT 1	8.00 pagi - 5.00 petang
75.	KOMPLEKS MAKANAN BERTAM INDAH	8.00 pagi - 5.00 petang
76.	KOMPLEKS MAKANAN BERTAM PUTRA	8.00 pagi - 5.00 petang
77.	TANDAS REKREASI VISION PARK BERTAM	8.00 pagi - 5.00 petang
78.	TANDAS KOMPLEKS MAKANAN BERTAM 2	8.00 pagi - 5.00 petang
79.	KOMPLEKS MAKANAN TMN. SENTOSA	8.00 pagi - 5.00 petang
80.	KOMPLEKS MAKANAN TMN. BELIBIS	8.00 pagi - 5.00 petang
81.	KOMPLEKS MAKANAN TMN. TAMBUN JAYA	8.00 pagi - 5.00 petang
82.	PASAR TMN. PEKAKA	8.00 pagi - 5.00 petang
83.	PASAR TMN. BERJAYA	8.00 pagi - 5.00 petang
84.	PASAR BUKIT PANCHOR	8.00 pagi - 5.00 petang
85.	PASAR SG. BAKAP	8.00 pagi - 5.00 petang
86.	PASAR VALDOR	8.00 pagi - 5.00 petang
87.	PASAR BANDAR TASEK MUTIARA	8.00 pagi - 5.00 petang
88.	PASAR TAMBUN INDAH	8.00 pagi - 5.00 petang
89.	KOMPLEKS PENJAJA BANDAR TASEK MUTIARA A	8.00 pagi - 5.00 petang
90.	KOMPLEKS PENJAJA BANDAR TASEK MUTIARA B	8.00 pagi - 5.00 petang
91.	TAMAN REAKRASI AMPANG JAJAR	8.00 pagi - 5.00 petang

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

5. Huraikan status kes jejantas pejalan kaki Pengkalan Weld berhadapan dengan Terminal Feri.
- (a) Adakah monumen ataupun plak kenangan akan didirikan di tapak asal bertujuan sejarah struktur warisan ini ditunjukkan kepada orang ramai?
 - (b) Jelaskan asas pertimbangan sekiranya tiada rancangan tersebut.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Kes jejantas pejalan kaki Pengkalan Weld berhadapan Terminal Feri telah diselesaikan secara muktamad melalui Penghakiman Persetujuan pada 18 September 2023. Pihak Defendan telah menjelaskan bayaran sebanyak RM1,320,000.00 kepada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 9 Oktober 2023 yang lalu.
- (a) Pihak MBPP sememangnya mempunyai perancangan untuk membangunkan semula Kompleks Makanan Medanika dan membina tempat letak kereta bertingkat di lokasi tersebut. Sehubungan itu, pihak MBPP turut bercadang untuk menyediakan monumen atau plak kenangan bersama-sama dengan cadangan pembangunan tersebut. Plak atau monumen tersebut dicadang untuk diintegrasikan di pintu masuk utama bangunan tempat letak kereta bertingkat yang bertujuan untuk memberi informasi dan sejarah tentang pembinaan jejantas

pejalan kaki bersejarah yang pernah wujud di situ sebelum ianya dirobuhkan akibat daripada kemalangan yang berlaku.

- (b) Tidak berkaitan kerana pihak MBPP mempunyai perancangan untuk mendirikan monumen ataupun plak kenangan di tapak asal.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

6. Nyatakan jangkaan masa bagi notis pemakluman pengosongan tapak tanah tambun Lebuhraya Merdeka akan dikeluarkan.
 - (a) Senaraikan pemilik rumah dan nombor alamat rumah sedia ada yang dibancikan oleh Pejabat Daerah mengikut kategori sama ada mempunyai Lesen Pendudukan Sementara (LPS) yang sah atau tidak.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. Secara amnya, bagi pengosongan tapak di atas tanah Kerajaan, notis akan dikeluarkan dengan tempoh masa yang munasabah selepas mengambil kira tempoh mula pembangunan projek bagi membolehkan pemilik atau penghuni menguruskan pemindahan dengan teratur.

Notis pemakluman pengosongan tapak tanah tambun Lebuhraya Merdeka akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut setelah semua perkara berbangkit diselesaikan.

- (a) Senarai penghuni rumah dan nombor alamat rumah yang telah dibanci pada tahun 2023 mengikut status Lesen Pendudukan Sementara (LPS) sehingga 30 April 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

SENARAI PENGHUNI RUMAH DAN NOMBOR RUMAH BERDASARKAN MAKLUMAT BANCIAN TAHUN 2023 DI TANAH TAMBUN DAN STATUS LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) SETAKAT 30 APRIL 2025

BIL.	NO. RUMAH	NAMA PENGHUNI (BERDASARKAN BANCIAN)	STATUS LPS (ADA/TIADA)
1	101-B	Yeon Kim Bok	Tiada
2	102-A	Tiada Maklumat	Tiada
3	101-A	Yeoh Lay Nar	Tiada
4	10	Balakrishnan a/l Suppiah	Tiada
5	1	Lim Yong Han	Tiada
6	2A	Tan Beng San	Tiada
7	2	Cheng Ai Pin	Tiada
8	2B	Ang Kok Joo	Ada
9	3	Phuah Shen Kung	Tiada
10	4	Tiada Maklumat	Tiada
11	5	Lee Wan Tong	Tiada
12	6	Lee Thean Leong	Tiada
13	7	Chan Leong Seng	Tiada
14	8	Tan Beng Choo	Tiada
15	9	Chan Eng Peng / Chan In Poh	Tiada
16	12	Lim Ai Hoon	Ada
17	11	Lee Chong Chim	Tiada
18	22	Neoh Mooi Geok	Ada
19	21	Loh Poh Hong	Tiada
20	20	Lee Phaik Ean	Tiada

BIL.	NO. RUMAH	NAMA PENGHUNI (BERDASARKAN BANCIAAN)	STATUS LPS (ADA/TIADA)
21	19	Chan Ean Cheng	Ada
22	18	Tan Lay Beng	Tiada
23	17	Tiada Maklumat	Ada
24	16	Loh Eng Hong	Ada
25	31	Ng Siew Hwa	Tiada
26	32	Ooi Chan Kim	Ada
27	14	Tan Kheng Lye	Tiada
28	15	Leow Chin Aun	Tiada
29	34-A	Tai Lee Choon	Ada
30	34	Choong Chor Guan	Tiada
31	35	Tiada Maklumat	Tiada
32	33	Leow Tee Beng	Ada
33	30	Tiada Maklumat	Ada
34	29	Bea Kar Cheng	Tiada
35	28	Yeap Huat Bee	Ada
36	27	Tiada Maklumat	Ada
37	26	Lian Kee Chin	Tiada
38	25	Caven Teoh	Tiada
39	24	Tiada Maklumat	Tiada
40	23	Ong Thiam Guan	Ada
41	13	Ooi Zhi Ling	Tiada
42	29-A	Tiada Maklumat	Tiada
43	44	Khor Sak Kim	Tiada

BIL.	NO. RUMAH	NAMA PENGHUNI (BERDASARKAN BANCIAN)	STATUS LPS (ADA/TIADA)
44	46	Kee Lay Guat	Tiada
45	47	Tiada Maklumat	Tiada
46	48	Lan Kheng Boon	Ada
47	Bersebelahan 48	Tiada Maklumat	Tiada
48	54	Chuah Say Khoon	Tiada
49	56	Lim Poh Hai	Ada
50	55	Jason Lim Yong Keat	Tiada
51	52	Shobana a/p S.Ramesh	Tiada
52	51	Ooi Kean Huat	Tiada
53	50	Lim Seng Hock	Tiada
54	49	Tiada Maklumat	Tiada
55	42	Teoh Siew Hong	Tiada
56	41	Lee Chee Kong	Tiada
57	40	Lim Swee Kheng	Tiada
58	39-A	Lim Phaik Chin	Tiada
59	39	Lim Ah Nya	Ada
60	38	Tan Suan Heoh	Ada
61	37	Puah Gaik Ling	Ada
62	36	Low Poh Suan	Tiada
63	99	Khoo Lay Chooi	Tiada
64	88	Tiada Maklumat	Tiada
65	87	Tiada Maklumat	Tiada
66	89	Ooi Chia Chi	Tiada

BIL.	NO. RUMAH	NAMA PENGHUNI (BERDASARKAN BANCIAN)	STATUS LPS (ADA/TIADA)
67	82	Ooi Lean Hock	Tiada
68	81	Lim Kim Soon	Ada
69	43	Meanga a/p Raja Manikam	Tiada
70	62	Teoh Kin Keok	Tiada
71	60	Tiada Maklumat	Tiada
72	59	Yeoh Saw Ting	Tiada
73	58	Lim Gaik Hong	Ada
74	79	Tiada Maklumat	Ada
75	68	Goh Ah Hin	Ada
76	70	Chan Swee Choo	Tiada
77	72	Tiada Maklumat	Tiada
78	73	Lee Chin Seng	Ada
79	57	Chan Ling Har	Ada
80	57-A	Chan Ling Khoon	Ada
81	97-P	Tiada Maklumat	Tiada
82	93	Arulprakash a/l Micheal	Ada
83	92	Tiada Maklumat	Tiada
84	67	Lee Meng Hui	Tiada
85	90	Lee Meng Choo	Ada
86	85	Lim Soon Guan	Ada
87	83	Chan Keat Soon	Tiada
88	78	Ho Hock Cheng	Tiada
89	77	Ooi Hock Lye	Ada

BIL.	NO. RUMAH	NAMA PENGHUNI (BERDASARKAN BANCIAN)	STATUS LPS (ADA/TIADA)
90	76-A	Gayathiri a/p Ragindran	Tiada
91	91	Tiada Maklumat	Ada
92	94	Cha Guat Ewe	Tiada
93	95	The Lye Hock	Tiada
94	110	Lim Siew Wei	Ada
95	111	Tiada Maklumat	Ada
96	112	Ong Beng Hong	Tiada
97	63	Yeoh Yew Wei	Ada
98	113	Lee Swee Im	Tiada
99	114	Tan Lai Choon	Tiada
100	96	Lim Jin Aik	Tiada
101	109	Chan Leong Hai	Ada
102	117	Dylan Koay Yuan Yan	Tiada
103	108	Goh Chong Seng	Tiada
104	107	Chan Gin Eng	Ada
105	98	Vasugi a/p Tangavellu	Tiada
106	118	Tiada Maklumat	Tiada
107	123	Low Chun Chan	Ada
108	122	Tan Hoe Kiong	Tiada
109	121	Tiada Maklumat	Tiada
110	119	Tiada Maklumat	Tiada
111	116	Cheah Hock Chye	Tiada
112	115	Tiada Maklumat	Ada

BIL.	NO. RUMAH	NAMA PENGHUNI (BERDASARKAN BANCIAN)	STATUS LPS (ADA/TIADA)
113	125	Poh Choo Heng	Ada
114	124	Khor Kak Siang	Ada
115	124-A	Tiada Maklumat	Tiada
116	124-B	Cha Guan Chooi	Tiada
117	106	Lee Teoh Shun	Tiada
118	105	Lim Siew Eng	Tiada
119	104	Lim Saw Ling	Ada
120	130	Cheah Tin Sean	Ada
121	129	Tiada Maklumat	Tiada
122	131	Tiada Maklumat	Tiada
123	135	Khoo Ah Guat	Ada
124	136	Chng Kok Soon	Tiada
125	137	Ong Soon Kim	Ada
126	86	Lim Chin Choo	Tiada
127	103	Teh Ah Seng	Ada
128	100	Teh Chow Seng	Tiada
129	102	Koay Kok Choon	Ada
130	101	Tiada Maklumat	Ada
131	139	Yeap Hock Lye	Ada
132	141	Phuah Eng Teck	Tiada
133	142	Tiada Maklumat	Tiada
134	140	Teh Theng Theng	Ada
135	146	Tiada Maklumat	Tiada

BIL.	NO. RUMAH	NAMA PENGHUNI (BERDASARKAN BANCIAAN)	STATUS LPS (ADA/TIADA)
136	134	Ang Hooi Hoon	Ada
137	133	Loh Hon Thean	Ada
138	147	Lim Ching Wei	Ada
139	132	Yeoh Khoon Sean	Tiada
140	148	Oung Kim Chuan	Ada
141	128	Ooi Boon Eam	Tiada
142	149	Tiada Maklumat	Ada
143	127	Neoh Chin Hock	Ada
144	126	Oung Lay Eng	Tiada
145	120	Teoh Ah Hai	Ada
146	150	Yeap Saw Eng	Tiada
147	151	Tiada Maklumat	Tiada
148	178	Tiada Maklumat	Tiada
149	179	Cheah Ooi Teik	Ada
150	165	Khaw Chee Chew	Ada
151	177	Tan Pet Lan	Ada
152	166	Ooi Sin Beng	Tiada
153	176	Tiada Maklumat	Ada
154	167	Lim Siew Geok	Tiada
155	175	Tiada Maklumat	Tiada
156	168	Tiada Maklumat	Ada
157	169	Nui Siew Lay	Tiada
158	153	Tiada Maklumat	Ada

BIL.	NO. RUMAH	NAMA PENGHUNI (BERDASARKAN BANCIAAN)	STATUS LPS (ADA/TIADA)
159	152	Mah Kam Seng	Tiada
160	164	Teoh Hoo Guan	Ada
161	155	Koay Chin Hiok	Tiada
162	163	Ong Liat Hin	Tiada
163	156	Tiada Maklumat	Tiada
164	162	Tiada Maklumat	Tiada
165	157	Tiada Maklumat	Tiada
166	161	Hoay Chooi Keat	Ada
167	158	Tiada Maklumat	Tiada
168	160	Tiada Maklumat	Tiada
169	159	Tiada Maklumat	Ada
170	212	Chng Peh Nya	Tiada
171	213	Tan Chew Ho	Ada
172	210	Ng Ah Ngah	Tiada
173	211	Tiada Maklumat	Tiada
174	209	Tiada Maklumat	Tiada
175	170	Tiada Maklumat	Ada
176	171	Bibi Wong binti Abdullah	Tiada
177	208	Neelabathi a/p M.Sinaya	Ada
178	204	Ooi Yeow Khoon	Tiada
179	207	Perevin a/l Radahkrinishan	Ada
180	205	Lim Lai Keat	Tiada
181	206	Tiada Maklumat	Tiada

BIL.	NO. RUMAH	NAMA PENGHUNI (BERDASARKAN BANCIAAN)	STATUS LPS (ADA/TIADA)
182	203	Tiada Maklumat	Tiada
183	202	Chan Poh Sim	Tiada
184	172	Tiada Maklumat	Tiada
185	173	Si Eng Hock	Ada
186	174	Kolandai Mary a/p Savarimuthu	Ada
187	180	Cheah Cheng Soon	Ada
188	181	Tiada Maklumat	Tiada
189	182	Teh Ai Poh	Tiada
190	183	Tiada Maklumat	Tiada
191	201	Ooi Siew Im	Ada
192	184	Chong Yee Fong	Ada
193	200	Teoh Bee Teng	Tiada
194	185	Chew Kim Heoh	Ada
195	185-A	Loh Chiew Guat	Ada
196	186	Chng Hoay Huat	Ada
197	199	Tiada Maklumat	Ada
198	193	Lim Lean Hock	Ada
199	197	Tan Lean Chin	Ada
200	198	Tan Lian Lian	Tiada
201	196	Goh Ah Cheng	Tiada
202	193-A	Tiada Maklumat	Tiada
203	187	Tan Yong Sheng	Tiada
204	192	Ong Choon Guan	Ada

BIL.	NO. RUMAH	NAMA PENGHUNI (BERDASARKAN BANCIAAN)	STATUS LPS (ADA/TIADA)
205	188	Tiada Maklumat	Ada
206	189	Leow Seng Seang	Ada
207	190	Chng Wan Joo	Ada
208	191	Chuah Ah Ngoh	Tiada
209	145	Tiada Maklumat	Ada
210	144	Ooi Joo San	Tiada
211	143	Tan Chin Yann	Ada

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

7. Selain daripada pampasan perumahan, nyatakan sebarang pampasan yang akan dibekalkan bagi kategori komersial dan tapak RIBI di tanah tambun Lebuh raya Merdeka.
- (a) Adakah tapak RIBI baru akan disediakan bagi tujuan penetapan semula tapak RIBI sedia ada bagi projek tersebut? Senaraikan.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Pampasan yang akan ditawarkan kepada kategori komersial adalah seperti berikut:
- (i) Pembelian lot kedai di Cecil Residency
- (ii) Penyediaan tanah kepada kategori komersial bersebelahan lot 294.
- (a) Ya. Tapak RIBI akan disediakan bagi penempatan semula RIBI sedia ada. Senarai RIBI masih dalam proses akhir bancian dan proses ini dijangka selesai pada akhir bulan Mei 2025.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

8. Huraikan rancangan pembangunan bagi tanah tambun Lebuhraya Merdeka pada masa depan.
- (a) Adakah PDC akan menguruskan projek pembangunan ataupun melalui *Request for Proposal* (RFP) untuk memperolehi pihak swasta bagi pengurusan pembangunan projek di tapak?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Pengurusan pembangunan bagi tanah tambun di kawasan Lebuhraya Merdeka adalah di bawah tanggungjawab pihak PDC sepenuhnya. Pihak PDC sememangnya mempunyai cadangan untuk melaksanakan rancangan pembangunan bagi tanah tambun Lebuhraya Merdeka yang dikenali sebagai Pembangunan Semula Weld Quey. Rancangan pembangunan tersebut akan melibatkan pembangunan bercampur meliputi pembinaan unit kediaman (kondominium) dan komersial.
- (a) Pihak PDC akan menguruskan pembangunan bagi tanah tambun di kawasan Lebuhraya Merdeka melalui anak syarikatnya iaitu PDC Properties Sdn Bhd (PDCP). Buat masa ini, pihak PDCP masih meneliti kaedah yang bersesuaian sama ada dengan cara melaksanakan secara langsung atau melalui kaedah *Request for Proposal* (RFP) untuk melantik pihak swasta bagi melaksanakan pembangunan projek tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

9. Adakah dalam rancangan Kerajaan Negeri bagi penyusunan semula *facade* (street scape) sepanjang Pengkalan Weld supaya menjadi lebih teratur?
- (a) Jika ya, jelaskan jika sebahagian pemegang rumah Lesen Pendudukan Sementara (LPS) akan ditetapkan semula ke tempat lain bagi memberi laluan kepada projek penyusunan semula *facade* ini.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak mempunyai sebarang perancangan bagi penyusunan semula *facade* (street scape) di sepanjang Pengkalan Weld supaya menjadi lebih teratur dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan pada masa akan datang pihak MBPP akan mengkaji semula cadangan ini.
- (a) Tidak berkaitan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

10. Adakah dalam rancangan MBPP untuk membina laluan pejalan kaki berbumbung di sekitar kawasan Gat Lebu Macallum termasuk Gat Lebu Macallum, Gat Lebu Cecil, Lintang Macallum 1 dan Lintang Macallum 2?
- (a) Bilakah projek ini akan dilaksanakan?
- (b) Adakah ia akan disambung ke stesen *Light Rail Transit* (LRT) pada masa depan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Pada masa kini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak mempunyai perancangan untuk membina laluan pejalan kaki berbumbung di sekitar kawasan Gat Lebu Macallum termasuk Gat Lebu Macallum, Gat Lebu Cecil, Lintang Macallum 1 dan Lintang Macallum 2. MBPP pada ketika ini sedang melaksanakan projek rintis (*pilot project*) bagi laluan pejalan kaki berbumbung di Jalan Utama iaitu dari persimpangan Jalan Penjara hingga ke persimpangan Jalan Dato' Keramat yang menghubungkan pintu Hospital Pulau Pinang ke perhentian bas Jalan Dato' Keramat. Projek perintis ini dilaksanakan bagi tujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan laluan pejalan kaki dan kesesuaian reka bentuk struktur berbumbung yang akan diguna pakai bagi mana-mana projek laluan pejalan kaki di Negeri Pulau Pinang kelak.
- (a) Tidak berkenaan kerana tiada dalam perancangan MBPP.

- (b) Semua projek laluan pejalan kaki berbumbung yang akan dilaksanakan oleh MBPP pada masa hadapan akan mengutamakan kawasan-kawasan yang bersambungan dengan kemudahan-kemudahan awam terutamanya infrastruktur pengangkutan awam seperti perhentian bas, stesen bas dan juga stesen *Light Rail Transit* (LRT). Keperluan penyambungan bagi laluan pejalan kaki berbumbung di sekitar kawasan Gat Lebu Macallum ke stesen LRT kelak akan disyaratkan di dalam Laporan Impak Lalu Lintas (TIA) oleh pihak Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

11. Nyatakan rancangan untuk menaik taraf auditorium KOMTAR demi menampung keperluan dan permintaan zaman sekarang.
- (a) Berapakah anggaran bajet yang disediakan untuk projek penaiktarafan tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. (a) Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), PSUKPP telah memohon peruntukan sebanyak RM500,000.00 menerusi Bajet 2026 bagi kerja-kerja naik taraf sistem audio visual dan menukar kerusi baru bagi auditorium Komtar.

Selain itu, pihak BKP telah memohon kepada pihak PDC Setia Urus (PDCSU) melalui surat bertarikh 19 Mac 2025 untuk memberikan keutamaan kepada projek naik taraf Sistem *Air Handling Unit* (AHU) bagi Tingkat 5 Komtar (kawasan auditorium) memandangkan AHU tersebut telah berusia melebihi 35 tahun.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

12. Senaraikan semua Government-Link Company (GLC) dan fungsinya di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama dengan nama pengerusi Lembaga masing-masing.
- (a) Adakah dalam rancangan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan GLC baru dalam penggal ini? Jika ya, huraikan secara terperinci informasi berkenaan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. Terdapat enam belas (16) syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI). Fungsi dan Pengerusi Lembaga bagi ketujuh belas (17) GLC tersebut diperincikan seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan cadangan penubuhan syarikat GLC baru bagi Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PSPPA) di Negeri Pulau Pinang. Syarikat GLC ini adalah Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd. Syarikat GLC ini ditubuhkan dengan matlamat utama sebagai medium untuk menerima dana daripada Kerajaan Persekutuan dan menyalurkan semula dana tersebut kepada syarikat-syarikat kecil yang melaksanakan PSPPA di Negeri Pulau Pinang. Penubuhan syarikat GLC ini bertujuan untuk mengendalikan operasi PSPPA bersama Akta 672. Oleh itu, syarikat GLC ini akan melibatkan kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Fungsi dan skop syarikat GLC ini adalah seperti berikut:-

- (i) Pengurusan sisa pepejal di Negeri Pulau Pinang;
- (ii) Pengurusan pembersihan awam di Negeri Pulau Pinang;
- (iii) Pembangunan dan pengoperasian fasiliti pengurusan sisa;
- (iv) Penerokaan sumber tenaga boleh diperbaharui;
- (v) Penerokaan peluang perniagaan dan pelaburan bagi menjana pendapatan alternatif; dan
- (vi) Menjana pendapatan bagi kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Silicon Island Development Sdn. Bhd. adalah anak syarikat kepada Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. dan SRS Consortium Sdn. Bhd. Terdapat juga GLC di bawah agensi lain dan ianya bukan di bawah seliaan CMI dan SSI.

SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI (GLC) DI BAWAH SELIAAN PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG (CMI) DAN PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI (SSI), BERSERTA FUNGSI UTAMA DAN NAMA Pengerusi Lembaga bagi setiap syarikat

BIL	SENARAI GLC	PENGERUSI	FUNGSI
PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI (SSI)			
1.	Invest-In-Penang Bhd.	YAB Chow Kon Yeow (EXCO Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi)	Menjana ekonomi Pulau Pinang termasuk merancang dan meningkatkan kemasukan pelaburan dari dalam atau luar negara dan menerokai peluang pelaburan baharu. Mempromosikan pelaburan tempatan dan asing di Pulau Pinang.
PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG (CMI)			
2.	George Town World Heritage Incorporated	YAB Chow Kon Yeow (EXCO Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi)	Menguruskan tapak warisan dunia George Town dan memastikan ianya dapat dipertahankan dengan kepentingan komuniti tempatan diutamakan.
3.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	YAB Chow Kon Yeow	Melaksanakan aktiviti dan program bagi merealisasikan matlamat Kerajaan Negeri dan Visi Penang2030 yang berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri yang

BIL	SENARAI GLC	PENGERUSI	FUNGSI
		(EXCO Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi)	Pintar dan Hijau serta memupuk, memudah dan menyelaraskan isu-isu alam sekitar di Pulau Pinang.
4.	Digital Penang Sdn. Bhd.	YAB Chow Kon Yeow (EXCO Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi)	Meneraju agenda transformasi digital Pulau Pinang selaras dengan visi Penang 2030.
5.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	YAB Chow Kon Yeow (EXCO Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi)	Melaksanakan penambahbaikan ruang awam dan konservasi tapak warisan seperti di dalam rancangan kawasan khas tapak warisan dunia George Town. Pembangunan semula <i>brownfield</i> di pesisir laut di bahagian utara seperti Penang Bay.
6.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	YAB Chow Kon Yeow (EXCO Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi)	Menerajui pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) dan pelaksanaan projek-projek infrastruktur.
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid (EXCO Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat)	Mempromosi dan membangunkan industri halal di Pulau Pinang dan membantu usahawan bagi mendapatkan pensijilan halal serta mempromosikan produk halal mereka ke pasaran halal global.

BIL	SENARAI GLC	PENGERUSI	FUNGSI
8.	Penang Tech Centre	YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh (EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi)	Mewujudkan hab pembelajaran teknologi, pertukaran idea dan berfungsi sebagai pusat peningkatan keupayaan dalam bidang STEM.
9.	Penang Science Cluster	YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh (EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi)	Menyediakan pendidikan dan latihan dalam bidang Sains, Kejuruteraan, Inovasi dan Penyelidikan untuk melahirkan bakat di Pulau Pinang.
10.	Penang STEM Sdn. Bhd.	YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh (EXCO Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi)	Memberi pendedahan awal, memupuk minat pelajar, menyediakan bengkel dan latihan dalam bidang STEM dan TVET teknikal.
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	YB Wong Hon Wai (EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif)	Melaksanakan dan mempromosikan aktiviti-aktiviti pelancongan bagi negeri Pulau Pinang.

BIL	SENARAI GLC	PENGERUSI	FUNGSI
12.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	YB Wong Hon Wai (EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif)	Mengurus, mempromosi, memasarkan dan menjalankan aktiviti berkaitan dengan lokasi pameran, persidangan dan konvensyen, kemudahan dan fasiliti, penganjuran, penasihat bagi semua jenis projek tempatan dan antarabangsa yang melibatkan acara perniagaan bagi badan korporat, syarikat, individu, jabatan kerajaan dan swasta.
13.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)	YB Gooi Zi Sen (EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan)	Mendidik, membangun dan memperkasakan belia ke arah pembangunan holistik.
14.	Penang FC Sdn. Bhd.	YB Gooi Zi Sen (EXCO Belia, Sukan dan Kesihatan)	Menguruskan Penang FC (Kelab Bola Sepak Pulau Pinang).
15.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	YB Lim Siew Khim (EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam)	Mencapai kesaksamaan gender, keadilan sosial dan dasar keluarga selamat. Objektif utama PWDC adalah menyokong kapasiti kerajaan negeri dan tempatan untuk mengintegrasikan perspektif gender ke dalam dasar, program dan amalan serta meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang ekonomi.

BIL	SENARAI GLC	PENGERUSI	FUNGSI
16.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	YB Lim Siew Khim (EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam)	Mengurus tadbir hal-hal berkaitan hal ehwal bukan Islam dan sebagai penggerak utama kepada strategi-strategi atau dasar-dasar yang telah digubal di bawah Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam Kerajaan Negeri.
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	YB Fahmi bin Zainol (EXCO Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi)	Menyelaras program dan aktiviti yang berkaitan dengan agroteknologi dan keterjaminan makanan bagi menyumbang hasil kepada Kerajaan Negeri

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

13. Kerajaan Negeri memegang prinsip tidak merobohkan tempat ibadat tanpa mengira keagamaan.
- (a) Nyatakan usaha kerajaan dalam penetapan semula tapak ibadat yang terlibat dalam pengambilan tanah projek LRT.
 - (b) Bagi RIBI yang tidak mempunyai pendaftaran sah, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menetapkan semula tapak RIBI yang terlibat dalam projek LRT?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri sentiasa menggunakan pendekatan terbaik dalam menguruskan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di Negeri Pulau Pinang. Semua tindakan penguatkuasaan ke atas struktur RIBI khususnya yang terlibat dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara akan terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam di bawah PlanMalaysia.
- (a) RIBI yang terletak di atas tanah milik (didaftarkan atas nama pertubuhan) akan ditawarkan pampasan selaras dengan peruntukan dalam Akta Pengambilan Tanah 1960, manakala RIBI yang berada di atas tanah kerajaan adalah tertakluk kepada tindakan pengosongan selaras dengan seksyen 425 Kanun Tanah Negara. Bagi struktur RIBI seperti *shrine* atau tokong yang dibina di atas tanah kerajaan, perkara ini akan dirujuk kepada Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam

untuk perbincangan dan penetapan langkah seterusnya. Sebarang tindakan terhadap RIBI di atas tanah kerajaan tertakluk kepada ulasan dan pandangan jawatankuasa tersebut.

- (b) Bagi RIBI yang tidak mempunyai pendaftaran sah dan terlibat dalam projek LRT, Kerajaan Negeri lazimnya akan mengambil pendekatan berhemah dan inklusif dalam menangani isu penempatan semula. Antara rancangan atau tindakan yang mungkin dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri termasuk:
 - (i) RIBI yang tidak berdaftar akan diberi peluang untuk memohon pendaftaran secara rasmi daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) agar kedudukan mereka dapat diiktiraf secara sah sebelum sebarang tindakan penempatan semula dilaksanakan;
 - (ii) Kerajaan Negeri biasanya akan mengadakan sesi libat urus dengan pihak pengurusan RIBI untuk memahami keperluan, sejarah kewujudan dan kepentingan komuniti setempat terhadap rumah ibadat tersebut; dan
 - (iii) Sekiranya RIBI terlibat perlu dikosongkan bagi tujuan pembangunan LRT, tapak alternatif yang bersesuaian mungkin akan ditawarkan, tertakluk kepada kelayakan dan penilaian dari segi kesesuaian lokasi serta keperluan komuniti.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

14. Kawasan Gat Lebu Macallum dan flat Lebu Noordin sering kali menghadapi masalah sistem pembetungan IWK selama dua tahun sudah. Huraikan cara penyelesaian.
- (a) Nyatakan usaha yang telah dijalankan bagi mengatasi masalah ini.
 - (b) Nyatakan jadual pembaikan dan jangka masa untuk menyiapkan projek ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Sistem pembetungan di kawasan Gat Lebu Macallum dan Flat Lebu Noordin adalah sebahagian daripada kawasan tadahan pembetungan George Town. Air sisa daripada kawasan ini mengalir ke Stesen Pam PEG123 yang berada di Jalan Sungai melalui satu rangkaian paip pembetungan bersaiz 600mm (milimeter) jenis konkrit diperkuat (reinforced concrete) dengan kedalaman 6m (meter). Air sisa ini kemudiannya dialirkan ke Loji Rawatan Kumbahan Serantau (LRKS) George Town (PEG227) melalui paip bertekanan tinggi.

Indah Water Konsortium (IWK) telah melantik perunding kejuruteraan untuk melaksanakan kajian di tapak-tapak berkaitan. Hasil kajian oleh pihak perunding tersebut mendapati bahawa masalah yang dihadapi di kawasan Gat Lebu Macallum dan Lebu Noordin adalah berpunca daripada paip pembetungan di kawasan tersebut yang usang serta struktur tanah yang lemah untuk menyokong kedudukan paip di bahagian hiliran sepanjang Jalan

Sungai dan Jalan Sungai Pinang. Keadaan ini menyebabkan kawasan tersebut sering menghadapi masalah kebocoran paip dan juga insiden-insiden lubang benam.

Kajian tersebut turut mencadangkan supaya sistem paip pembetulan meliputi kawasan Jalan Sungai, Jalan Sungai Pinang dan Jalan Perak dinaik taraf bagi mengatasi masalah-masalah yang telah dikenal pasti. Kerja-kerja yang telah dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) Menaik taraf paip sedia ada di beberapa kawasan daripada radius 600mm kepada 1500mm;
 - (ii) Menggantikan paip lama kepada paip baharu di kawasan hulu;
 - (iii) Merasionalisasi Stesen Pam PEG123; dan
 - (iv) Menaik taraf Stesen Pam PEG183 daripada kapasiti 300,000 Kesetaraan Penduduk (Population Equivalent - PE) kepada 600,000 PE.
- (a) Untuk mengatasi masalah sistem pembetulan di kawasan tersebut, IWK menyediakan perkhidmatan penyedutan air kumbahan lebih menggunakan lori tangki bergantung kepada keperluan untuk membersihkan kesan-kesan sumbatan pada paip-paip pembetulan di kawasan yang terkesan. Kerja-kerja ini dilaksanakan dengan menggunakan mesin cucian bertekanan tinggi untuk memastikan tiada kacau ganggu kepada pengguna setempat serta memastikan sistem pembetulan dapat berjalan dengan lancar. Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP) juga kini sedang dalam perancangan projek-projek mitigasi seperti yang disenaraikan sebagai penyelesaian jangka masa panjang.
- (b) Perancangan cadangan projek penaiktarafan telah bermula dan kini berada di peringkat Pengurusan Nilai (Value Management) untuk pertimbangan dan kelulusan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Projek ini dianggarkan akan menelan belanja sebanyak RM98 juta dengan tempoh pelaksanaan selama tiga (3) tahun. Penganugerahan projek ini dijangka dapat dilaksanakan pada

tahun 2026 selepas melalui proses kelulusan di semua peringkat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

15. Sistem perparitan di sekitar rumah kluster Pintasan Cecil dalam keadaan yang tidak memuaskan, ada yang mangkuk parit pecah dan dinding parit runtuh.
- (a) Nyatakan usaha Penang Development Corporation (PDC) bagi mengatasi masalah ini.
 - (b) Nyatakan jangka masa bilakah kerja pembaikan akan dijalankan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Sistem perparitan di sekitar rumah kluster Pintasan Cecil.
- (a) Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi mengatasi masalah sistem perparitan di sekitar rumah kluster Pintasan Cecil adalah kerja membaik pulih dan menaik taraf longkang kawasan tersebut yang telah disiapkan pada 17 Mac 2024. PDC juga telah menerima kelulusan peruntukan untuk pelaksanaan kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf kawasan Pintasan Cecil bagi tahun 2025 di bawah Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) Kementerian Ekonomi.
 - (b) Kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf kawasan Pintasan Cecil bagi tahun 2025 akan dilaksanakan mulai bulan September dan dijangka siap pada bulan Disember.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

16. Adakah pemasangan *safety net* di Jambatan Pulau Pinang dapat mengurangkan kes bunuh diri secara berkesan?
- (a) Nyatakan selain daripada pemasangan *safety net*, kaedah lain yang dalam pertimbangan Pihak Berkuasa untuk mencegah kes bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sedia maklum dan bimbang terhadap peningkatan statistik cubaan bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang (JPP). Berdasarkan semakan rekod, terdapat lokasi hentian kecemasan di sepanjang JPP ini telah dikenalpasti sebagai lokasi tumpuan (*hotspot*) bagi tujuan tersebut.

Cadangan pemasangan '*safety net*' di JPP perlu diperhalusi dengan lebih terperinci memandangkan ianya akan memberi kesan secara langsung ke atas struktur integriti parapet jambatan sedia ada. Sebarang cadangan bagi produk-produk baru di lebuhraya boleh dikemukakan ke Bahagian Khidmat Pakar & Kerjasama Teknikal LLM untuk diteliti dan dikaji kesesuaian penggunaannya.

- (a) Sebagai langkah proaktif, pihak PLUS telah menggunakan teknologi '*Artificial Intelligence*' (AI) melalui kamera beresolusi tinggi sedia ada di JPP. Penggunaan teknologi AI ini membolehkan pihak PLUS untuk mengenalpasti sebarang kelakuan yang mencurigakan dan kecenderungan mana-mana individu untuk membuat cubaan bunuh diri untuk

dihalang dengan tindakan yang lebih responsif. Selain itu, pihak PLUS turut melaksanakan beberapa inisiatif antaranya dengan memaparkan mesej-mesej keselamatan dan motivasi di struktur paparan elektronik VMS (*Variable Message Sign*) di sepanjang JPP sebagai langkah tambahan bagi membendung gejala bunuh diri.

Pihak LLM dan PLUS juga dalam perancangan untuk menambahbaik teknologi '*Artificial Intelligence*' (AI) sedia ada dengan membuat pemasangan sistem siren amaran bagi memastikan tindakan pencegahan bunuh diri dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Jawatankuasa Kesihatan Mental Negeri Pulau Pinang telah ditubuhkan pada 14 November 2023 bagi meningkatkan usaha dan kerjasama di antara Agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi menangani isu kesihatan mental di Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa ini juga meningkatkan usaha secara berterusan bagi memastikan golongan yang memerlukan bantuan dari segi kesihatan mental dapat mengakses kepada saluran yang disediakan, sama ada di bawah Kerajaan atau oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

17. Pengecualian visa negara China tanpa had tempoh bakal diimplimentasikan.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperluaskan lagi penerbangan terus antara Pulau Pinang dan bandar di China? Nyatakan usaha antaranya.
 - (b) Adakah pasaran sedia ada Negeri Pulau Pinang bersiap sedia untuk menampung pasaran yang luas sekiranya polisi ini direalisasikan?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara konsisten berusaha untuk memperluaskan penerbangan terus ke bandar-bandar di China. Buat masa ini, telah terdapat penerbangan terus dari 4 daripada 5 lapangan terbang yang paling sibuk dari China ke Pulau Pinang iaitu dari Shanghai, Guangzhou, Shenzhen dan Chengdu. Antara usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui agensinya adalah dengan menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat penerbangan dan pihak berkuasa tempatan di China. Kerjasama ini digerakkan melalui beberapa langkah strategik iaitu:-
- (i) Perbincangan aktif dengan syarikat penerbangan bagi membuka semula atau memperkenalkan laluan ke bandar-bandar di China. Kerajaan Negeri melalui *Penang Global Tourism (PGT)* menyokong promosi awal dan fasilitasi logistik bagi syarikat penerbangan yang membuka laluan baharu;

- (ii) Penyertaan dalam Pameran Pelancongan China untuk menarik minat operator pelancongan dan penerbangan untuk melihat potensi pasaran Pulau Pinang; dan
 - (iii) Menjalin kerjasama dengan agensi pelancongan dan syarikat penerbangan untuk memperkenalkan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan, gastronomi dan perubatan.
- (b) Pulau Pinang mempunyai lebih 25,000 bilik hotel, yang terdiri daripada hotel bertaraf antarabangsa, inap desa dan hotel bajet. Banyak hotel telah kembali beroperasi sepenuhnya pasca pandemik dan terdapat juga hotel-hotel baharu yang dibuka, terutamanya di George Town dan Batu Ferringhi.

Selain itu, produk pelancongan bertema budaya, makanan, sejarah, perubatan, dan eko-pelancongan menjadikan tarikan sedia ada di Pulau Pinang. Terdapat juga banyak penyedia perkhidmatan yang boleh berbahasa Mandarin (pemandu pelancong, peniaga, restoran) secara tidak langsung memudahkan komunikasi dengan pelancong warga China. Negeri Pulau Pinang juga kini telah berada pada platform popular terkini iaitu *Little Red Book (Xiaohongshu)*: platform media sosial dan e-dagang yang sangat popular dan berpengaruh yang berpangkalan di China. Dalam masa yang sama, penggunaan Alipay juga telah dilaksanakan di banyak lokasi pelancongan.

Tambahan pula, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang juga kini sedang dinaik taraf untuk menampung kapasiti 12 juta penumpang setahun menjelang 2028, ini membolehkan lebih banyak penerbangan terus untuk mendarat di Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

18. Kelapa bakal dieksportkan ke negara China. Adakah ini membawa sebarang kesan terhadap industri kelapa Negeri Pulau Pinang?
- (a) Adakah harga kelapa dan air kelapa domestik akan dinaikkan dengan sebahagian daripadanya memperolehi permintaan pasaran asing yang tinggi?
 - (b) Nyatakan usaha Kerajaan Negeri terhadap polisi tersebut.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Kawasan penanaman kelapa di seluruh Negeri Pulau Pinang berkeluasan 19.3 hektar dengan purata pengeluaran setahun adalah sebanyak 112.0 tan metrik. Tiada projek tanaman kelapa berskala besar di negeri ini. Kerajaan Negeri akan terus memastikan bahawa keperluan domestik rakyat di negeri ini diberi keutamaan di samping terus menyokong pembangunan industri kelapa untuk peningkatan Kadar Sara Diri (SSR) negara.
- (a) Harga pasaran bagi kelapa termasuk santan, kelapa parut dan kelapa muda mengalami penurunan harga antara lima (5) hingga 10 peratus di beberapa tempat seluruh Malaysia kerana bekalan dalam pasaran semakin stabil. Ini berikutan tindakan pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah meningkatkan jumlah import kelapa dari luar negara. Selain itu, FAMA juga turut melaksanakan inisiatif dengan meningkatkan pengeluaran produk berasaskan kelapa dalam bentuk peket, serbuk, kelapa parut kering dan santan

segera. Kekurangan bekalan komoditi kelapa berlaku akibat musim kelapa melawas iaitu keadaan putik kelapa gugur dari tandan disebabkan cuaca ekstrem sama ada panas melampau atau hujan lebat yang mengakibatkan pengeluaran kelapa mengalami penurunan bukan sahaja di negara Malaysia tetapi turut terkesan di luar negara.

- (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian (DOA) melaksanakan pelbagai program latihan untuk pengeluaran kelapa yang lebih berkualiti dengan melibatkan pengusaha kelapa di seluruh negeri. DOA turut menggalakkan penanaman pelbagai kelapa berhasil tinggi seperti kelapa *Matag*, *Malayan Red Dwarf* (MRD), *Malayan Yellow Dwarf* (MYD) dan kelapa pandan bagi menampung keperluan rakyat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

19. Isu kacau ganggu burung merpati semakin serius. Tindakan diambil oleh PBT setakat ini tidak dapat menanganinya secara berkesan. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selama ini?
- (a) Nyatakan rancangan PBT seterusnya yang mampu menangani masalah burung merpati ini secara berkesan.
 - (b) Berapakah kompaun yang telah dikeluarkan sepanjang tahun 2025?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Antara tindakan yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pulau Pinang dalam menangani isu kacau ganggu burung merpati adalah seperti berikut:
- (i) Meningkatkan operasi penangkapan burung merpati dari empat (4) kali seminggu kepada operasi secara harian;
 - (ii) Menjala burung merpati di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan burung merpati;
 - (iii) Menjalinkan kerjasama dengan syarikat *pest control* bagi mengenal pasti kaedah yang lain selain daripada menjala seperti penyemburan bahan kimia untuk mengelakkan hurungan burung merpati di lokasi-lokasi *hotspot*;

- (iv) Menggunakan *bird repellent* di premis-premis di bawah seliaan PBT dan menabur gandum pemandulan bagi mengurangkan populasi burung;
 - (v) Meletakkan papan tanda peringatan;
 - (vi) Mengedar risalah dan poster pendidikan awam bagi membimbing masyarakat agar tidak memberi makanan kepada burung merpati; dan
 - (vii) Mengenakan kompaun di bawah Seksyen 47(1)(g), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] sekiranya didapati melakukan aktiviti menabur sisa makanan di tempat awam termasuk tindakan undang-undang (pendakwaan di mahkamah) dan mengeluarkan notis mengkehendaki kacau ganggu dihapuskan di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
- (a) Antara rancangan PBT dalam menangani isu kacau ganggu burung merpati adalah seperti berikut:
- (i) Mengadakan sesi libat urus bersama Badan Pengurusan Bersama (JMB/MC) dengan syarikat-syarikat *pest control* bagi mendapatkan perkhidmatan kawalan dan pencegahan burung;
 - (ii) Menjalankan aktiviti pemantauan secara harian di kawasan aduan serta kawasan *hotspot* bagi mencegah aktiviti pemberian makanan oleh orang awam bermula pada tahun 2025; dan
 - (iii) Melaksanakan Project *Pigeon Purge* di kawasan pentadbiran MBSP dimana projek tersebut bersandarkan kepada triad 3 'P' seperti berikut:
 - 1) Penangkapan: Operasi menjala, perangkap termasuk perancangan mengaplikasikan teknologi jitu (*precision technology*);
 - 2) Pendidikan: Melalui aktiviti Komunikasi Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) dan pemasangan papan tanda yang lebih meluas; dan

- 3) Penguatkuasaan: Melaksanakan kompaun dengan lebih agresif.
- (b) Sehingga Mei tahun 2025 sebanyak 15 kompaun telah dikeluarkan oleh PBT.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

20. Apakah rancangan pembangunan di tanah tambun (Plot A&B) bersebelahan Pangsapuri Pelangi Macallum?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri telah meluluskan sebarang penggunaan tanah kepada mana-mana pihak setakat ini? Huraikan secara terperinci.
 - (b) Adakah rancangan itu mampu menampung keperluan tempatan dari segi trafik, logistik dan akses jalan? Huraikan strategi tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. Terdapat dua (2) plot tanah tambun bersebelahan Pangsapuri Pelangi Macallum di mana Plot A adalah milik Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) manakala Plot B adalah milik Kerajaan Negeri.
- (a) Buat masa kini, Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan pemberimilikan tanah Plot A kepada pihak PBAPP bagi tujuan paip air (submarine pipeline). Bagi Plot B, Kerajaan Negeri telah membuat satu keputusan dasar untuk memberi milik tanah tersebut kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) bagi maksud kegunaan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mengemukakan permohonan pemberimilikan tanah kepada Kerajaan Negeri secara rasmi melalui PTP selepas permohonan bajet diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.

- (b) Berhubung perancangan berkaitan trafik, logistik dan akses jalan, perkara ini akan diteliti secara lebih terperinci di peringkat Kebenaran Merancang apabila pembangunan sebenar di atas tanah tersebut dilaksanakan kelak. Kajian serta penilaian trafik yang komprehensif akan menjadi sebahagian daripada keperluan teknikal dalam proses kelulusan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

21. Apakah status tanah yang dipakai oleh KBH selama ini?
- (a) Bilakah kontrak penggunaan tanah tersebut luput?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyambungkan/ memperbaharui kontrak penggunaan tanah kepada pihak yang sama lagi?
 - (c) Adakah sebarang aduan diterima mengenai pengoperasian syarikat tersebut termasuk isu warga asing?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

21. Berdasarkan hasil semakan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) mendapati bahawa status tanah milik KBH yang terletak di Macallum adalah merupakan tanah Pajakan Negeri (PT325) bagi tempoh 60 tahun yang akan berakhir pada 06 April 2070. Tanah tersebut didaftarkan di atas nama KBH Marine Industry Sdn. Bhd.

Soalan (a) dan (b) adalah tidak berkaitan kerana tanah tersebut adalah milik KBH Marine Industry Sdn. Bhd.

- (c) Berdasarkan semakan pentadbiran tanah, didapati bahawa tiada sebarang aduan berhubung pengoperasian syarikat terbabit termasuk isu warga asing.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

22. Taman Kejiranan Macallum menjadi tumpuan rekreasi dan sukan oleh komuniti setempat sepanjang hari mulai awal pagi sehingga larut malam.
- (a) Apakah strategi Kerajaan Negeri bagi memastikan keperluan komuniti dipenuhi dan diselaraskan dengan visi Penang2030?
 - (b) Adakah perlunya memperluaskan lagi tanah hijau bertujuan rekreasi, nyatakan hasrat dan rancangan kerajaan atas isu ini.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa memandang serius terhadap penyediaan kawasan lapang terutama bagi komuniti setempat seperti Taman Kejiranan Macallum bagi memastikan keseimbangan aspek sosial kehidupan selaras dengan visi Penang2030. Pemantauan kepada penyediaan tanah lapang di Pulau Pinang disediakan oleh PLANMalaysia Pulau Pinang melalui Kajian Tanah Lapang Negeri Pulau Pinang. Selain itu, kajian Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang 2035 (DRTMBPP 2035) yang sedang disediakan oleh MBPP juga akan mengambil kira keperluan tanah lapang. Bagi mengenal pasti keperluan komuniti di Taman Kejiranan Macallum, MBPP telah merancang untuk menaik taraf dataran serbaguna sedia ada berbumbung di kawasan tersebut pada tahun 2025. MBPP dari semasa ke semasa akan menambah komponen taman kejiranan berkenaan berdasarkan keperluan penduduk setempat menggunakan

kaedah *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) dengan membuat kaji selidik keperluan dari semua peringkat umur.

Antara senarai komponen taman atau kemudahan yang telah disediakan di Taman Kejiranan Macallum seperti berikut:

- (i) Gazebo
 - (ii) Alat senaman luar
 - (iii) Alatan permainan *integrasi*
 - (iv) Dataran serbaguna
 - (v) Gelanggang bola keranjang (seliaan Pejabat Daerah Dan Tanah)
 - (vi) Tiang bola sepak
 - (vii) Lampu limpah
 - (viii) Lampu solar
 - (ix) Railing penghadang ; dan
 - (x) Laluan pejalan kaki/*jogging*
- (b) Bagi memperluaskan kawasan hijau untuk tujuan rekreasi, keperluan keluasan minima 10 peratus kawasan lapang perlu disediakan dan disyaratkan untuk setiap projek pemajuan baru. Penyediaan kawasan lapang ini dapat memperbanyakkan kawasan hijau dan dapat dimanfaatkan sebagai ruang interaksi sosial serta demi kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar. Salah satu kaedah dan inisiatif MBPP adalah dengan menyediakan DRTMBPP 2035 yang menggariskan perancangan pembangunan termasuk pemeliharaan dan peluasan kawasan hijau. Dokumen ini bertujuan untuk mengawal dan melaksanakan pembangunan secara terancang hingga tahun 2035.

Di bawah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030), beberapa dasar secara umumnya telah digariskan bagi memastikan keperluan komuniti (kemudahan rekreasi dan sukan) dapat dipenuhi. Dasar-dasar tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

DASAR YANG DIGARISKAN BAGI MEMASTIKAN KEPERLUAN KOMUNITI (KEMUDAHAN REKREASI & SUKAN) DAPAT DIPENUHI

DASAR RSNPP 2030	PERNYATAAN DASAR RSNPP 2030
D.S.P 2.3.4	MEMASTIKAN PENYEDIAAN KAWASAN LAPANG DAN REKREASI YANG MENCUKUPI MENGIKUT HIERARKI DAN TABURAN PENDUDUK
L 2.3.4.1	Menetapkan setiap pembangunan perumahan dengan kawasan lapang dan rekreasi sebanyak 10% penyediaan daripada keluasan seluruh Negeri Pulau Pinang.
L 2.3.4.2	Memastikan semua kawasan lapang awam diwartakan.
L 2.3.4.3	Menyediakan kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat tempatan.

DASAR RSNPP 2030	PERNYATAAN DASAR RSNPP 2030
L 2.3.4.4	Memperkasakan peranan Perbadanan Kawasan Lapang ke arah menjayakan dasar kawasan lapang negeri.
L 2.3.4.5	Mengekal, menaik taraf dan menyelenggara kawasan kemudahan rekreasi dan taman awam utama.
D.S.P 2.3.5	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN SUKAN BERMUTU TINGGI DAN BERTARAF ANTARABANGSA
L 2.3.5.1	Menggalakkan penyediaan kemudahan sukan berprestasi tinggi serta infrastruktur sokongan di kawasan pembangunan baharu yang sesuai.
L 2.3.5.2	Menaik taraf kemudahan sukan sedia ada menepati piawaian antarabangsa.
L 2.3.5.3	Menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam penyediaan kemudahan sukan dan infrastruktur sokongan melalui pemberian insentif oleh PBN.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

23. Apakah status terkini laluan basikal berdekatan The Light City, IJM?
- (a) Adakah jambatan basikal baru bakal dibina bagi akses para penunggang ke E-gate / Persiaran Sungai Gelugor?
 - (b) Adakah laluan ini khas (dedicated lane) untuk basikal saja?
 - (c) Bilakah laluan basikal sepanjang Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu akan dibuka semula?



**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Sebahagian laluan basikal di sepanjang Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, khususnya berhampiran dengan Sungai Gelugor dan kawasan The Light telah diubah suai kerana pembinaan tanjakan berarah oleh IJM Land Berhad. Laluan asal yang terjejas telah dialihkan ke kawasan berhampiran projek pembangunan tersebut. Untuk memastikan kesinambungan laluan basikal, dua (2) jambatan baharu merentangi Sungai Gelugor telah dibina oleh pihak IJM Land Berhad.
- (a) Pihak IJM Land Berhad tidak akan membina jambatan basikal baharu atau jejantas pejalan kaki yang merentasi Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke E-Gate/Persiaran Sungai Gelugor.
 - (b) Laluan basikal yang disediakan di kawasan riadah The Light City boleh digunakan oleh kedua-dua pejalan kaki dan penunggang basikal.

- (c) Pihak pemaju, IJM Land Berhad telah menyediakan laluan basikal khas berhampiran tapak pembinaan projek The Light IJM untuk kegunaan orang awam. Selain itu, papan tanda keselamatan turut didirikan di sepanjang laluan tersebut. Sebuah laluan basikal baharu sepanjang 1.5 kilometer di kawasan persisiran pantai (promenade) akan dibuka kepada orang awam pada Disember 2025, selepas kerja-kerja pembinaan bangunan Penang Waterfront Convention Center siap sepenuhnya. Laluan tersebut adalah seperti yang dipaparkan dalam peta yang disediakan di **LAMPIRAN A**.



Legend :-

-  Laluan basikal sediaada yang boleh digunakan orang awam
-  Laluan basikal *promenade* akan dibuka kepada orang awam pada Disember 2025

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

24. Huraikan kadar penumpang feri berdasarkan setiap jadual.
- (a) Nyatakan jika Kerajaan Persekutuan / Negeri memberi subsidi terhadap kadar tambang.
 - (b) Adakah kerajaan berhasrat menambahkan perkhidmatan feri bagi selaraskan dengan perkhidmatan KTM ETS yang bertolak seawal jam 5.15 pagi (0515) dan tiba di Penang Sentral selewat jam 12.20 pagi (0020)?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kadar penumpang feri dikelaskan seperti berikut:
- (i) Waktu puncak pagi dari Pangkalan Sultan Abdul Halim (PSAH) (6:00 pagi - 9:00 pagi)

Pada waktu ini, jumlah penumpang adalah tinggi. Majoriti penumpang terdiri daripada individu yang bekerja di kawasan George Town, Pulau Pinang. Selain itu, pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi turut menggunakan perkhidmatan feri untuk ke tempat pengajian masing-masing.
 - (ii) Waktu puncak petang dari Pangkalan Raja Tun Uda (PRTU) (5.00 petang - 7:00 petang).

Penumpang utama terdiri daripada golongan yang sama iaitu mereka yang pulang ke PSAH selepas bekerja atau belajar di

George Town, Pulau Pinang. Jumlah penumpang adalah tinggi pada waktu ini.

(iii) Waktu Puncak Petang dari PRTU setiap hari Jumaat

Setiap hari Jumaat, terdapat peningkatan penumpang terutama dalam kalangan pelajar sekolah yang akan pulang bercuti hujung minggu dengan menggunakan feri dari PRTU ke PSAH

(iv) Bagi waktu bukan puncak

Pada waktu ini, kadar penumpang adalah lebih rendah. Kebanyakan pengguna terdiri daripada pelancong yang datang bercuti ke Pulau Pinang, terutama mereka yang menaiki Komuter atau ETS. Turut terdapat penduduk tempatan yang menggunakan feri untuk urusan peribadi, membeli-belah, atau sekadar menikmati pengalaman menaiki feri.

(a) Buat masa ini tiada subsidi yang diberikan terhadap kadar tambang perkhidmatan feri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan dengan kerjasama Penang Port Sdn Bhd (PPSB) memberikan tambang percuma bagi perayaan seperti Thaipusam, Hari Raya Aidilfitri dan perayaan atau hari tertentu yang akan ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan/SPPP dari semasa ke semasa.

(b) Jadual operasi feri tidak diselaraskan dengan perkhidmatan KTM ETS untuk perjalanan awal pagi (0515) dan paling lewat (0020) kerana kedua-dua perkhidmatan ini memberi tumpuan kepada target perkhidmatan pelanggan yang berbeza.

Jadual perkhidmatan feri ditetapkan berdasarkan kepada trend statistik pengguna feri mengikut waktu pergi/pulang bekerja di antara Seberang Perai dan George Town.

Melalui pemerhatian pihak SPPP, majoriti pengguna feri Pulau Pinang ialah terdiri daripada penduduk Pulau Pinang yang berulang alik ke tempat kerja dan institusi pendidikan. Manakala perkhidmatan tren elektrik pula memberi tumpuan utama kepada perkhidmatan lintas negeri antara negeri-negeri semenanjung Malaysia.

Namun begitu, berdasarkan kepada analisa jadual feri Pulau Pinang dan tren ETS kebanyakan masa perjalanan adalah selaras dan bersesuaian untuk memastikan kesinambungan perjalanan yang lancar dan memudahkan warga Pulau Pinang yang berulang-alik antara Pulau Pinang dan Seberang Perai. Kekurangan jadual feri Pulau Pinang berselang setiap 30 minit membolehkan pengguna merancang jadual perjalanan sekiranya perlu menaiki ETS.

Pihak SPPP sedang mempertimbangkan untuk menyelaraskan jadual ETS dengan jadual feri bagi meningkatkan keselesaan dan kelancaran perjalanan penumpang. Namun, memandangkan bilangan penumpang bagi perjalanan ETS pada pukul 5:15 pagi serta perjalanan terakhir pada tengah malam amat kecil, oleh itu kesinambungan perkhidmatan feri bagi waktu tersebut adalah kurang sesuai diteruskan dalam keadaan semasa dan berpotensi membebani sumber yang ada.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

25. Jarak antara terminal feri dan stesen KTM adalah lebih kurang tujuh (7) minit berjalan kaki. Ramai rasa penat untuk menghabiskan perjalanan tersebut khususnya warga emas, pengembara berbagai dan berkerusi roda.
- (a) Huraikan pandangan Kerajaan Negeri terhadap kenyataan ini.
 - (b) Nyatakan rancangan kerajaan bagi menambahbaik fasiliti (seperti pemasangan *travelator*) atas perkara ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. (a) Pihak Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) telah mengambil langkah untuk meningkatkan kemudahan mesra OKU di terminal feri. Ini termasuk penambahbaikan kemudahan seperti laluan landai dan ruang menunggu khas untuk pengguna berkerusi roda, warga emas dan wanita hamil.

Walaupun terdapat usaha untuk meningkatkan aksesibiliti antara Terminal Feri Pangkalan Sultan Abdul Halim (PSAH) dan Stesen KTM Butterworth, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutamanya bagi golongan yang memerlukan kemudahan khas.

- (b) Penambahbaikan fasiliti terutama laluan *travelator* tidak berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri memandangkan Penang Sentral merupakan hab pengangkutan swasta milik penuh Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB). Walau bagaimanapun,

cadangan pemasangan *travelator* ini telah dipanjangkan kepada pihak MRCB untuk pertimbangan lanjut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

26. Adakah kesemua pemilik rumah yang menerima notis perintah pindah bagi projek pembangunan Sandiland Foreshore akan ditawarkan satu unit rumah di Sandiland Foreshore?
- (a) Senaraikan pemilik rumah yang menerima notis dan penerima unit rumah Sandiland Foreshore.
- (b) Senaraikan penghuni asal yang berkenaan projek tersebut yang bakal diberi keutamaan untuk membeli rumah RMM.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Projek Rumah Mampu Milik (RMM) yang kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu (RMKu) Sandilands Foreshore atau juga dikenali sebagai Foreshore Residence dibangunkan di atas tanah milik Perbadanan Ketua Menteri (CMI) yang berkeluasan 4.23 ekar. Komponen pembangunan yang terlibat merangkumi 321 unit RMKu B, 80 unit RMKu C2, 402 unit RMKu C3 dan 192 unit pangsapuri perkhidmatan.

Maklum balas yang diperolehi daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) selaku Pengurus Projek menyatakan bahawa seramai 51 orang individu yang layak dan menerima notis perintah pindah akan ditawarkan satu unit rumah di projek Foreshore Residence secara percuma berdasarkan Perjanjian Pampasan antara pemaju (Tanjung Villa Development Sdn. Bhd.) dengan pemilik rumah yang menerima notis pindah. Senarai nama ini juga telah disemak dan disahkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah

Timur Laut (PDT DTL) berdasarkan Perjanjian Pampasan berkenaan.

- (a) Sehingga tarikh berakhir 31 Mac 2014, hanya empat (4) orang sahaja dari jumlah keseluruhan 51 orang individu yang terlibat telah ditawarkan rumah oleh Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP). Baki penerima pampasan diminta untuk mendaftar bagi menyelesaikan proses penawaran. Proses tawaran kepada baki individu ini hanya boleh dijalankan sekiranya mereka telah membuat pendaftaran atau berada dalam senarai pemohon yang aktif di dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) yang dikawal selia oleh LPNPP. LPNPP juga dalam proses untuk mengadakan beberapa siri program turun padang bagi memudahkan proses pendaftaran dilakukan penerima pampasan tersebut. Senarai pemilik rumah yang menerima notis dan penerima unit rumah yang telah ditawarkan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Senarai 51 orang penghuni asal seperti di **LAMPIRAN A** merupakan mereka yang akan / telah ditawarkan unit RMKu B secara percuma. Bagi baki unit RMKu B dan RMKu yang lain, pemohon / pembeli yang akan diberi keutamaan untuk membeli unit-unit tersebut adalah berdasarkan senarai pemohon berdaftar dalam SMP, LPNPP dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Prestasi Dan Pencapaian Perumahan / *Housing Outcome Performance Committee* (HOPE) yang dipengerusikan oleh YB EXCO Perumahan untuk pertimbangan dan kelulusan.

SENARAI NAMA SETINGGAN FORESHORE

BIL	NAMA	NO KP BARU	NO KP LAMA	ALAMAT LAMA	ALAMAT BARU
1	GAN GIM HUANG	881129075031	N/A	101 (1), GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	1-21-04, LEBUH SUNGAI PINANG 7, DESA PINANG 2, 11600 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
2	GAN LENG HWA	670501075565	A0643906	101 (2), GAT LEBUH SADILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	42C-09-30, SRI SAUJANA, GAT LEBUH MACALLUM, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG.
3	GAN HOCK HIN	850610075677	N/A	PLOT 1, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	78-6-12, CASA IMPIAN, JALAN OOI THIAM SIEW, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
4	LEE SENG BOON	590913075633	5645823	PLOT 2, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	BLOK 1-4-4, LEBUH SANDILANDS, GEORGE TOWN, 10300 PULAU PINANG
5	TEH GAIK KEE	521023075296	N/A	PLOT 3, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	72-2-3, LEBUHRAYA BATU LANCHANG, 11600 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
6	CHEAH TIAN LENG	611030075189	6305535	PLOT 4, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	5-11-5, LINTANG MACALLUM 2, PANGSAPURI PELANGI, 10300 PULAU PINANG
7	SOON PANG HWEE	510717075315	N/A	PLOT 5, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	70, LORONG BUKIT MINYAK 13, TAMAN BUKIT MINYAK INDAH, 14000 BUKIT MERTA JAM, PULAU PINANG.
8	TH'NG LYE HOCK	371011075175	1343214	PLOT 6, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	344-1-15, GAT LEBUH CECIL, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
9	TAN ENG HIN	530122075077	4392335	PLOT 7, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	BL GARDEN 36-6, SOLOK THEAN TEIK, AIR ITAM, 11500 PULAU PINANG
10	ONG CHENG CHUAN	600611075677	5910071	PLOT 8, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	362-14-5, GAT LEBUH SANDILANDS, GEORGE TOWN, 10300 PULAU PINANG
11	ONG CHENG CHUAN	600611075677	5910071	PLOT 9, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	362-14-5, GAT LEBUH SANDILANDS, GEORGE TOWN, 10300 PULAU PINANG
12	TEOH CHAI HEOH	491112075306	3895610	PLOT 10, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	D-7, RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK, 11400 AYER ITAM, PULAU PINANG
13	TAN GOO LENG	271015075174	N/A	PLOT 11, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	9-7-1, LINTANG MACALLUM, PANGSAPURI PELANGI, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
14	TAN GOO LENG	271015075174	N/A	PLOT 85 (1), GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	354-15-2, GAT LEBUH MACALLUM, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
15	ONG BEE GEOK	701010075252	A1673476	PREMIS TIDAK BERALAMAT (SEBELAH PLOT 21, GAT LEBUH SANDILANDS)	

SENARAI NAMA SETINGGAN FORESHORE

BIL	NAMA	NO KP BARU	NO KP LAMA	ALAMAT LAMA	ALAMAT BARU
16	HO IN SENG	670101075857	A0611089	PLOT 12, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	3-12-08, LEBUH SUNGAI PINANG 7, 11600 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
17	KANG EAN HOE	410708075115	1669947	PLOT 13, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	88-16-05, CANGKAT BUKIT GAMBIR 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
18	LIM GUAT EAN	380604075239	N/A	PLOT 14, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	42B-06-32, SRI SAUJANA, GAT LEBUH MACALLUM, 10300 PULAU PINANG
19	LIM CHENG HAI	610630075487	6193187	PLOT 15, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	PLOT 15, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
20	TAY CHOON HOCK	631216075505	7213952	PLOT 16, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	74, JALAN SENTRAL 21, TAMAN NUSA SENTRAL, BANDAR NUSAJAYA, 79100 ISKANDAR PUTERI, JOHOR
21	TAN CHIANG HONG	820124075391	820124075391	PLOT 17, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	1-14-20, LEBUH SUNGAI PINANG 7, DESA PINANG 2, 11600 GEORGE TOWN, PULAU PINANG.
22	ONG AI TEE	410303075336	N/A	PLOT 18, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	BLOK 5-08-35, OCEAN VIEW, LEBUH SUNGAI PINANG 1, 11600 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
23	KHAW KIM BOK	670905075115	A0775416	PLOT 19, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	45, LORONG BUNGA RAYA, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
24	TEOH AH NYA	490612075340	2199170	PLOT 20, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	7-6-8, PELANGI FLAT, LINTANG MACALLUM 2, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
25	ONG PHAIK HAR	430423075240	949705	PLOT 21, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	5-5-2, LINTANG MACALLUM 2, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
26	ONG CHENG HOE	620827075367	6877090	PLOT 22, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	BLOK 2-7-6, LINTANG MADRASAH SRI JELUTONG, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
27	TAY TEONG SAN	640725075153	7376939	PLOT 23, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	1-06-02, CASA PINANG, GERBANG BATU LANCHANG, 11600 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
28	KEOH LEAN CHEAW	560222075493	4921259	99, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	100-14-H JALAN TAN SRI TEH EWE LIM, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
29	ONG SAW LAN	391114075168	959096	98, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	5-16-1, LINTANG KG MELAYU 2, DESA MAWAR, 11500 PULAU PINANG
30	WONG GOOI SOON	400414075284	2802142	97, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	79-11-12B, BIRCH REGENCY, JALAN DATO KRAMAT, 10150 PULAU PINANG

SENARAI NAMA SETINGGAN FORESHORE

BIL	NAMA	NO KP BARU	NO KP LAMA	ALAMAT LAMA	ALAMAT BARU
31	ONG KWANG YEE	641127075713	7478788	82, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	729-1-9, JALAN SUNGAI DUA, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
32	ONG KEAN CHEW	611022075357	6305506	81, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	3-5-9, TAMAN PADANG TEMBAK, LEBUH PADANG TEMBAK, 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG.
33	HOO CHAN NYA	440406075096	276870	80, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	42A-03-12, SRI SAUJANA, GAT LEBUH MACALLUM, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
34	YEAP PHHUAH SENG	460201075461	2196633	92, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	92 FORESHORE, JALAN C.Y.CHOY, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
35	LEE AH LENG	540628075110	4629684	91 (2), GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	12D-30-3, ONE FORESTA, LENGKOK KELICAP, SUNGAI ARA, 11900 BAYAN BARU, PULAU PINANG
36	ONG KEAN SENG	590305075541	5536906	91 (1), GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	NO. 7, JALAN DAYANG 52/8, CHERAS MAHKOTA, 43200 SELANGOR
37	KOAY SIEW GET	471202075344	3452163	93 (1), GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	28, CANGKAT MINDEN, JALAN 12, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
38	CITRA AP RAVISANTHER	851221265092	N/A	93 (2), GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	NO. 5-10-3, LINTANG MACALLUM 2, PANGSAPURI PELANGI, 10300 PULAU PINANG
39	YEAP CHOON EAN	651121075084	A0255730	95 (4,) GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	42A-01-04, SRI SAUJANA, GAT LEBUH MACALLUM, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
40	TAN KAH HOCK	520617075539	4243173	95-C, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	BLOCK 1-7-3, TAMAN KANG HAR TONG, LORONG GEMILANG, 11600 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
41	KOAY KHEE ENG	300412715294	8014120	95-B, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	1-4-2, LEBUH SANDILANDS, 10200 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
42	OOI LYE HOCK	580404075273	5331156	95-A, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	9-4-11, LINTANG PAYA TERUBONG 3, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
43	CH'NG CHIN BOO	560824075335	5035770	95 (6), GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	BLOK 350-3-2, GAT LEBUH MACALLUM, 10300 PULAU PINANG
44	OOI AIK KEONG	730309075233	A2425768	95 (5), GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	46-2-9, JALAN VAN PRAAGH, DESA GREEN, JELUTONG, 11600 PULAU PINANG
45	ONG SIEW HONG	440621075160	1341193	95 (2), GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	7-10-1, LINTANG MACALLUM 2, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG

SENARAI NAMA SETINGGAN FORESHORE

BIL	NAMA	NO KP BARU	NO KP LAMA	ALAMAT LAMA	ALAMAT BARU
46	CHEW GHAI GUAN	621204075381	6953355	95 (3), GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	304, JALAN GURDWARA, 10300 PULAU PINANG
47	NG LEAN CHYE	691013075219	A1439948	95 (7), GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	32-3-7, PANGSAPURI SRI ABADI, PERSIARAN RELAU, SUNGAI ARA, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
48	KOAY THEAN HOCK	510815075469	4104919	94, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	28, CANGKAT MINDEN, JALAN 12, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
49	YEAP MEI LEE	780702075390	N/A	76, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG	7, JALAN KEKABU 12, SUNWAY CASSIA, 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
50	OOI CHIN CHYE	590915075573	5646051	107, GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGETOWN, PENANG	36, SOLOK TEMBAGA 3, 11600 PULAU PINANG
51	LOH BEE LUAN	450516075168	673286	76 (2), GAT LEBUH SANDILANDS, 10300 GEORGETOWN, PENANG	7, JALAN KEKABU 12, SUNWAY CASSIA, 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(II)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

27. Penduduk asal projek pembangunan Cecil Residence sepatutnya menerima elaun sewaan bulanan selama tempoh pembangunan, namun sudah melebihi 8 bulan elaun tersebut tidak disalurkan.
- (a) Jelaskan puncanya.
 - (b) Adakah kesemua tunggakan elaun terhutang akan disalurkan semula kepada kesemua penerima?
 - (c) Bilakah mereka yang terlibat akan menerima bayaran elaun sewaan yang tertunggak?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

27. (a) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memaklumkan bahawa punca kelewatan pembayaran elaun sewaan bulanan kepada penduduk terlibat disebabkan berlaku kelewatan terhadap penyiapan projek Cecil Residency. Proses untuk menyambung bayaran tersebut perlu berdasarkan tarikh sebenar penyiapan projek.
- (b) Kesemua tunggakan elaun terhutang akan disalurkan semula kepada kesemua penerima.
 - (c) Pembayaran dijangka akan dibuat mulai Julai atau Ogos 2025.